



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 41/2021

MATA YANG TERPELIHARA

15 Rabiul Awal 1443 H

Bersamaan

22 Oktober 2021

DIKELUARKAN OLEH:

JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِأَهْدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ
أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Sidang jumaat yang dirahmati sekalian,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan mengabdikan diri kepadaNya, melaksanakan segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya. Mudah-mudahan kita meraih kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Mimbar Jumaat pada hari ini ingin mengupas satu khutbah bertajuk:

“Mata Yang Terpelihara”.

Kaum muslimin yang dikasihi,

Pedoman Nabi saw sentiasa membawa pencerahan kepada cara hidup terbaik yang menjamin keselamatan dan meraih keuntungan serta mengundang kebahagiaan dunia akhirat. Pada hari yang mulia ini, marilah sama-sama kita mengambil renungan dari panduan nabawi yang diriwayatkan:

عَنْ مُعَاوِيَةَ بْنِ حَيْدَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :
ثَلَاثَةٌ لَا تَرَى أَعْيُنُهُمُ النَّارَ ، عَيْنٌ حَرَسَتْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ، وَعَيْنٌ بَكَتْ مِنْ خَشْيَةِ
اللَّهِ ، وَعَيْنٌ كَفَّتْ عَنْ مَحَارِمِ اللَّهِ

Maksud: Dari Mu'awiyah bin Haidah ra berkata, sabda Rasulullah saw: "Tiga jenis mata yang tidak akan melihat neraka: Mata yang berjaga malam di jalan Allah, mata yang menangis kerana takutkan Allah dan mata yang menahan dari perkara yang diharamkan Allah".

(Hadis riwayat At-Tabarani dan Abu Ya'la)

Hadis ini mengandungi sanjungan kepada sifat mujahadah dalam diri seorang muslim untuk melaksanakan komitmen ketaatan dan menanggung kepayahan serta kepenatan di jalan Allah swt dengan tiga amalan berfadhilat besar melalui pancaindera mata penglihatan.

Pertama: Berjaga malam untuk mengawasi tugas jihad fisabilillah, bertujuan menjaga pengkalan, mengawasi tugas agama dan dunia serta memelihara nyawa, harta dan kehormatan umat dan negara.

Kedua: Menangis kerana merasai kemegahan dan keagungan tuhan pencipta serta kegerunan kepada kekuasaan Allah swt.

Ketiga: Menundukkan pandangan menahan penglihatan dari perkara-perkara haram.

Ganjaran kepada kesukaran melaksanakan semua tugas ini ialah terpeliharanya jenis-jenis mata yang disebutkan di atas dari melihat neraka,

apatah lagi untuk diazabkan dengan seksaannya. Apabila anggota mata terselamat, ia bermaksud tuannya juga semestinya terselamat.

Sidang Jumaat *hafizakumullah*.

Ketiga-tiga jenis mata ini dipeliharai oleh tuannya untuk melaksanakan tugas agama walaupun terpaksa menghadapi kepenatan dan kesukaran. Maka balasan Allah sebagai timbal balas yang sama iaitu memelihara jenis-jenis mata ini dari melihat neraka dan disentuh oleh seksaannya.

Pertama: Mata yang berjaga malam di jalan Allah.

Yang dimaksudkan dengan tugas ini ialah memelihara dan menjaga keselamatan kaum muslimin di pengkalan dan perkubuan, juga daerah penguasaan umat Islam dari pencerobohan musuh, pencabulan pihak luar dengan apa cara sekalipun. Tugas ini seringkali memaksa pihak pelaksananya untuk berjaga malam dan bersengkang mata. Komitmen ini datang dalam pelbagai bentuk:

- 1- Mengajar dan memberi faham urusan agama dan segala ilmu yang bermanfaat, sama ada berbentuk fardu ain atau fardu kifayah.
- 2- Melaksanakan tugas dan penjawatan yang diamanahkan kepada setiap orang Islam di lapangan masing-masing seperti pemerintah bersama rakyat jelata, lelaki bersama kaum keluarga, kejiwaan dalam persekitarannya, persahabatan bersama kelompoknya dan lain-lain ikatan kemanusiaan dan kemasyarakatan yang memerlukan setiap muslim bertanggungjawab dengan amanah jagaannya.
- 3- Berjihad di medan perang dan bertugas di kubu-kubu dan sempadan-sempadan daerah negara Islam, demi menjaga kedaulatan, kehormatan maruah,

nyawa dan harta dari diceroboh musuh dan diganggu-gugat oleh pihak yang mendatangkan ancaman dan gangguan keselamatan.

4- Berkhidmat untuk maslahat umum kaum muslimin dan kerajaan Islam dalam pelbagai lapangan yang berbentuk fardhu kifayah seperti sektor kesihatan, pendidikan, ekonomi, sosial dan lain-lain yang menjadi keperluan dalam urusan kehidupan dan pentadbiran kaum muslimin.

Dalam hadis-hadis disebut kelebihan melaksanakan komitmen ini sebagai fadhilat ribat atau murabatah seperti hadis Fudhalah bin 'Ubaid, sabda Nabi saw yang bermaksud: Setiap si mati akan ditutup amalannya kecuali ahli ribat (yang menahan diri bertugas) di jalan Allah. Maka dikembangkan amalnya sehingga hari kiamat dan diberi keamanan kepadanya dari fitnah kubur.

(Hadith riwayat Abu Dawud dan al Tirmizi)

Kaum muslimin yang diberkati,

Kedua: Mata yang menangis lantaran takutkan Allah.

Ketakutan ini yang lahir dari mengenali Allah dengan kesempurnaan dan kemegahannya, juga limpahan nikmat tuhan ke atas dirinya, di samping sedar dengan kekurangan sifat syukur di dalam diri sendiri. Ini semua membawa kepada ketakutan dan kegerunan di dalam hati sanubari untuk sentiasa ingat kepada kebesaran sang pencipta, lalu mengalirlah air mata tangisan perhambaan. Firman Allah menceritakan sifat golongan seperti ini, dalam Surah Al-Mukminun ayat 57-61 yang bermaksud: Sesungguhnya orang-orang yang sentiasa bimbang disebabkan takut kepada (kemurkaan) Tuhan mereka; Dan orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Tuhan mereka; Dan orang-orang yang tidak mempersekutukan sesuatu yang lain dengan Tuhan mereka; Dan orang-orang yang memberi apa yang mereka berikan sedang hati mereka gementar kerana mereka yakin akan kembali kepada Tuhan mereka; Mereka itulah orang-orang

yang segera mengerjakan kebaikan, dan merekalah orang-orang yang mendahului pada mencapainya.

Aisyah r.a berkata : Pernah aku bertanya Nabi saw “Wahai Rasulullah, Allah berfirman (bermaksud) : “Dan orang-orang yang memberi apa yang mereka berikan sedang hati mereka gementar kerana mereka yakin akan kembali kepada Tuhan mereka;”

Adakah mereka berzina, minum arak dan mencuri ? Sabda Nabi saw: “Tidak wahai Binti As-Siddiq. Sebaliknya mereka berpuasa, bersembahyang, bersedekah, namun ketakutan dan kebimbangan jika dia tidak diterima (dimakbulkan) dengan amalannya tadi.

(Hadith riwayat al-Tirmizi)

Al-Hasan al-Basri menafsirkan ayat ini dengan berkata: “Mereka beramal dengan ketaatan dan bersungguh di dalamnya, namun takut amalannya ditolak. Seseorang mukmin menghimpunkan antara amal terbaik dan ketakutan. Sementara munafik pula menghimpunkan amalan buruk dan rasa aman (tidak akan di azab).

Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati,

Ketiga: Mata yang menahan dari memandang perkara haram.

Ianya boleh berlaku dalam beberapa situasi:

Pertama: Menahan pandangan dari melihat perkara yang tidak dihalalkan kecuali dengan alasan darurat.

Kedua: Menahan pandangan berhasad dengki dengan nikmat yang dikurniakan kepada orang lain.

Ketiga: menjaga mata dari melihat perhiasan dan kecantikan dunia sehingga ianya memperdayakan atau menguasai hati sanubari. Firman Allah dalam surah Taha, ayat 131 pula, Allah swt berfirman :

وَلَا تَمُدَّنَّ عَيْنَيْكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعْنَا بِهِ أَزْوَاجًا مِنْهُمْ زَهْرَةَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا لِنَفْتِنَهُمْ فِيهِ وَرِزْقُ

رَبِّكَ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰ (١٣١)

Bermaksud: “Dan janganlah engkau menunjukkan pandangan kedua matamu dengan keinginan kepada apa yang telah Kami berikan kepada beberapa golongan dari mereka yang kafir itu menikmatinya, yang merupakan keindahan kehidupan dunia ini, untuk Kami menguji mereka padanya; sedang limpah kurnia Tuhanmu di akhirat lebih baik dan lebih kekal.”

Sayyidina Umar ra pernah melihat ruang bilik Nabi saw yang sangat sederhana dan bekalan makanan yang sangat zuhud sehingga dia menangis. Nabi saw bertanya “Apakah yang menyebabkan engkau menangis?” Umar menjawab “Kisra dan Qaisar berada dalam kenikmatan sedang engkau pula sebagai pilihan Allah dalam keadaan begini”. Nabi saw bersabda “Adakah engkau dalam syak wasangka wahai Ibnu Al-Khattab? Mereka itu adalah kaum yang dipercepatkan nikmat untuk mereka dalam kehidupan dunia.” Hadith riwayat al Bukhari dan Muslim.

Kaum muslimin yang dimuliakan.

Menjaga pandangan mata menurut syariat Islam dan pedoman sunnah Nabi saw menatijahkan beberapa keistimewaan.

Pertama: Kekuatan dan kemanisan iman yang menatijahkan kecergasan untuk sentiasa melakukan ketaatan dan kebajikan.

Kedua: Terpelihara dari kecelaruhan fikiran dan kelemahan jiwa serta keras hati yang membawa kepada kelesuan dan kelembapan serta kedangkalan.

Ketiga: Bertambah taufiq dan bantuan kemudahan tuhan untuk ringan tulang dalam melakukan ketaatan dan kebaikan.

Keempat: Terselamat dari kesedihan dan kepiluan. Sebaliknya diberi ganjaran dengan kegembiraan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Kelima: Terpelihara dari dosa dengan terjaganya batasan halal dan haram yang meningkatkan syakhsiah diri dengan sentiasa menjulang syariat dan meninggikan perintah agama.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِذَا سَمِعُوا مَا أُنزِلَ إِلَى الرَّسُولِ تَرَىٰ أَعْيُنُهُمْ تَفِيضُ مِنَ الدَّمْعِ مِمَّا عَرَفُوا مِنَ الْحَقِّ

يَقُولُونَ رَبَّنَا ءَامَنَّا فَاكْتُبْنَا مَعَ الشَّاهِدِينَ ﴿١٨٣﴾ وَمَا لَنَا لَا نُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَمَا جَاءَنَا مِنَ الْحَقِّ

وَنَطْمَعُ أَنْ يَدْخِلَنَا رَبُّنَا مَعَ الْقَوْمِ الصَّالِحِينَ ﴿١٨٤﴾

Bermaksud : “Dan apabila mereka mendengar Al-Quran yang diturunkan kepada Rasulullah (Muhammad, s.a.w), engkau melihat mata mereka mencucurkan air mata disebabkan apa yang mereka ketahui (melalui Kitab mereka) dari kebenaran (Al-Quran), sambil mereka berkata: "Wahai Tuhan kami, kami beriman (kepada Nabi Muhammad dan Kitab Suci Al-Quran), oleh itu tetapkanlah kami bersama-sama orang-orang yang menjadi saksi (yang mengakui kebenaran Nabi Muhammad s.a.w)."Dan tidak ada sebab bagi kami tidak beriman kepada Allah

dan kepada kebenaran (Al-Quran) yang sampai kepada kami, padahal kami ingin (dengan sepenuh-penuh harapan), supaya Tuhan kami memasukkan kami (ke dalam Syurga) bersama-sama orang-orang yang soleh"

(Surah al-maidah ayat 83-84)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ
مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفَّ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ
السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفَى بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ
زَاهِرَةِ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah selamatkan kami dan seluruh ummah Islam di mana jua mereka berada. Satukanlah persaudaraan dan perpaduan ummat Islam dengan ikatan yang erat dan kukuh. Mantapkanlah iman kami dan teguhkanlah pegangan kami menurut ahli sunnah wal jamaah, peliharakanlah kami dari amalan dan pegangan aqidah yang menyeleweng.

Ya Allah, bantu dan kasihilah kami dan seluruh ummat Islam dari kesusahan, wabak dan bala bencana. Lenyapkanlah wabak covid 19 dari bumiMu ini Ya Allah.. Ya Rahman.. Ya Rahim..

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللَّهُ.